

Iasnin – 16 November 2020

Halaman : 17

Kerajaan negeri perlu pantau aktiviti teroka hutan di kawasan perlindungan

Bunga rafflesia diancam kepupusan

Isu Setempat

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG — Masyarakat Orang Asli di Tanah Tinggi Lojing bimbang terhadap kepupusan bunga rafflesia yang banyak terdapat di kawasan perlindungan di sini sekiranya ia tidak dilindungi.

Rata-rata daripada mereka berharap kerajaan negeri bertindak segera bagi memastikan pembangunan di Tanah Tinggi Lojing dikawal bagi memastikan ekosistem bunga rafflesia di kawasan berkenaan tidak terganggu.

Ketua Penghulu Orang Asli Kelantan, Bidi Ronggeng berkata, kerajaan perlu memantau dan mengawal aktiviti penerokaan khususnya di kawasan perlindungan bunga rafflesia yang terletak berhampiran Kampung Jedip.

"Pertumbuhan rafflesia semakin terjejas ekoran kegiatan pembukaan kebun-kebun sayur yang giat dijalankan di kawasan perlindungan itu."

"Ini akan menjadikan kedatangan pelancong ke Tanah Tinggi Lojing kerana bunga rafflesia semakin berkurangan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Bidi menjelaskan, penerokaan tanah di kawasan berkenaan turut menjadikan kehidupan penduduk Orang Asli yang sekian lama tinggal di kawasan itu dan bergantung hidup kepada hasil hutan dan juga sebagai pemandu pelancong.

Sementara itu, Penghulu Kampung Sengsang di Pos Brooke, Nasir Busu pula berkata, sebelum ini kawasan bunga rafflesia yang berkembang cantik itu tidak putus-putus dikunjungi pelancong domestik dan luar negara.

"Kami berharap pihak berkuasa bertindak serius dan mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka yang telah memusnah-



BUNGA rafflesia di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang berdepan kepupusan jika tiada kawalan daripada pihak berkuasa.

kan alam sekitar terutamanya habitat bunga rafflesia.

"Kami bukan menghalang kerajaan melakukan pembangunan. Mereka perlu mencari kawasan yang jauh sedikit dari tempat ini supaya bunga rafflesia terus terpelihara untuk tatapan generasi akan datang," katanya.



AKTIVITI penerokaan tanah hutan menjadikan pendapatan masyarakat Orang Asli untuk mencari hasil hutan dan menjadi pemandu pelancong.